



## "AL-QURAN MUKJIZAT AGUNG SEPANJANG ZAMAN".1

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلٌ: كَتَبَ أَنَّ رَبَّنَا إِلَيْكُمْ مُّبَرَّأُوْ لَيْدَبُرُوا أَعَيْتِهِ وَلَيَتَذَكَّرَ أُولُو الْأَلْبَابِ <sup>1</sup>	2
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ	3
. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أُوْصِيْكُمْ وَإِيَّاهُ يُتَقَوَّى اللَّهُ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَأَيُّهَا الَّذِينَ إِيمَانُهُمْ حَقٌّ تُقَاتَلُهُمْ وَلَا تُؤْتُنَ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.	4
<b>Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,</b>  Khatib ingin menyeru hadirin Jumaat sekalian dengan seruan takwa, marilah kita bersungguh-sungguh meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan bersungguh-sungguh meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita memperoleh kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat.	5
Marilah kita menghayati khutbah pada hari ini yang bertajuk " <b>AL-QURAN, MUKJIZAT AGUNG SEPANJANG ZAMAN</b> ".	6
<b>Hadirin Jumaat yang di kasihi,</b>	
Kitab suci al-Quran merupakan mukjizat teragung Nabi Muhammad SAW yang menjadi panduan bagi seluruh umat Islam, selagi kita berpegang teguh dengannya. Al-Quran bermakna bacaan atau himpunan, ia dikatakan sebagai bacaan kerana Al Quran itu untuk dibaca oleh umat Islam. Ia juga dikatakan himpunan kerana dalam Al-Quran itu terhimpun ayat-ayat yang menjelaskan pelbagai perkara yang meliputi persoalan tauhid, ibadat, jinayah, muamalat, munakahat dan sebagainya.	7

<sup>1</sup> Al-Sad : 29.



<p>Al-Quran terpelihara daripada sebarang penyelewengan dan niat jahat untuk merosakkan isi kandungannya, walaupun pelbagai percubaan telah dilakukan manusia untuk merosakkannya. Ini jelas berdasarkan firman Allah SWT dalam surah al-Hijr ayat 9:</p> <p style="text-align: center;">إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الْذِكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحَفِظُونَ ۚ</p> <p>"Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan al-zikr (Al-Quran), dan Kamilah yang memelihara dan menjaganya."</p> <p><b>Muslimin Jumaat yang berbahagia,</b></p>	8
<p>Al-Quran mengandungi pelbagai ilmu pengetahuan yang hanya dapat diketahui huraianya dan kebenarannya bagi mereka yang benar-benar mengkaji, mendalami dan menggali ilmunya. Suruhan mencari ilmu ini boleh difahami berdasarkan kalimah yang pertama diturunkan iaitu kalimah Iqra' ertinya bacalah. Ilmu pengetahuan hanya akan didapati melalui membaca dan belajar. Contoh ilmu yang terdapat dalam al-Quran dan telah terbukti benar pada zaman ini adalah seperti proses kejadian manusia, kehidupan tumbuh-tumbuhan, haiwan dan perjalanan matahari serta bulan.</p>	9
<p>Selain itu, mukjizat al-Quran juga adalah ayat-ayatnya yang mudah untuk dihafal dan diingat walaupun seseorang itu tidak fasih dan tidak faham bahasa Arab. Sehingga anak-anak kecil sekalipun mudah menghafal ayat-ayat al-Quran. Para penghafal al-Quran digelar sebagai Huffaz dan Ahlullah. Para penghafaz al-Quran sangat istimewa kedudukannya di sisi Allah SWT</p>	10
<p>sepertimana hadis daripada Anas bin Malik Radhiallahu Anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:</p> <p style="text-align: center;">إِنَّ لِلَّهِ أَهْلِينَ مِنَ النَّاسِ، قَالَ: قَيْلٌ: مَنْ هُمْ يَا رَسُولَ اللَّهِ؟ قَالَ "أَهْلُ الْقُرْآنِ هُمْ أَهْلُ اللَّهِ، وَخَاصَّتُهُ</p>	11
<p>"Sesungguhnya bagi Allah SWT itu ada ahlinya dalam kalangan manusia. Dia berkata: dikatakan (ditanya), Siapakah mereka wahai Rasulullah? Nabi SAW menjawab: Ahli al-Quran, mereka itulah Ahlullah dan mereka diberi keistimewaan." (Riwayat Ahmad).</p>	12



<p>Begitu juga tidak akan ada orang Islam yang akan merasa jemu mendengar ayat-ayat al-Quran dibacakan berulang-ulang kali. Malahan bagi orang-orang beriman semakin banyak membaca dan mendengar ayat-ayat suci al-Quran akan menambah rasa cinta kepada al-Quran dan menambahkan rasa keimanan di hatinya. Al-Quran adalah untuk manusia.</p>	13
<p>Di dunia ia menjadi syifa' (ubat atau penawar) bagi manusia dan di akhirat ia menjadi syafaat.</p> <p>Firman Allah SWT dalam surah Yunus ayat 57:</p> <p style="text-align: center;">يَا أَيُّهَا النَّاسُ قَدْ جَاءَكُم مَوْعِظَةٌ مِن رَبِّكُمْ وَشَفَاءٌ لِمَا فِي الصُّدُورِ وَهُدًى وَرَحْمَةٌ لِلْمُؤْمِنِينَ <sup>٥٧</sup></p>	14
<p><i>"Wahai umat manusia! Sesungguhnya telah datang kepada kamu al-Quran yang menjadi nasihat pengajaran dari Tuhan kamu, dan yang menjadi syifa' (penawar) bagi penyakit-penyakit batin yang ada dalam dada kamu dan juga menjadi hidayah petunjuk untuk keselamatan serta membawa rahmat bagi orang-orang yang beriman."</i></p>	15
<p>Itulah al-Quran, mukjizat yang masih lagi wujud sehingga ke hari ini supaya kita dapat menyaksikan kebenaran kerasulan Nabi Muhammad SAW yang diutus Allah SWT kepada seluruh umat manusia sehingga ke hari kiamat. Sebagai Muslim yang beriman, hendaklah kita sentiasa mendekatkan diri dengan al-Quran melalui kaedah membaca dan memahami isi kandungannya. Apabila telah memahami al-Quran, dengan sendirinya kita akan merasa senang beramal dengannya iaitu mengikut dan taat akan segala perintah Allah SWT yang terkandung di dalamnya. Orang yang beramal dengan al-Quran akan mempunyai akhlak yang terbaik kerana akhlak Nabi Muhammad SAW adalah akhlak al-Quran.</p>	16
<p>Allah SWT berfirman dalam surah al-Qalam ayat 4:</p> <p style="text-align: center;">وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٍ ،</p> <p><i>"Dan sesungguhnya kamu benar-benar berbudi pekerti yang agung".</i></p> <p><b>Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,</b></p>	17



Berikut adalah beberapa langkah bagi menghidupkan al-Quran dalam jiwa setiap individu Muslim sebagai panduan bersama;	18
1. Meyakini sepenuh hati bahawa al-Quran adalah kitab petunjuk (hidayah) yang menjadi pembimbing bagi umat manusia sepanjang zaman.	
Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 2:	19
ذَلِكَ الْكِتَبُ لَا رِيبٌ فِيهِ هُدًى لِّلْمُتَّقِينَ ۚ	
<i>"Kitab Al-Quran ini, tidak ada sebarang syak padanya (tentang datangnya dari Allah dan tentang sempurnanya); ia pula menjadi petunjuk bagi orang-orang yang (hendak) bertakwa."</i>	
2. Beriman kepada al-Quran secara menyeluruh bukan beriman kepada sebahagian dan menolak sebahagian yang lain. Firman Allah SWT dalam surah al-Hijr ayat 89 – 91:	20
وَقُلْ إِنِّي أَنَا النَّذِيرُ الْمُبِينُ ۝ كَمَا أَنَّا نَزَّلْنَا عَلَى الْمُقْتَسِمِينَ ۝ الَّذِينَ جَعَلُوا الْقُرْءَانَ عِصْبِينَ ۝	21
<i>"Dan katakanlah, sesungguhnya aku ini adalah seorang Rasul pemberi amaran dengan bukti-bukti yang nyata (tentang turunnya azab ke atas orang-orang yang ingkar). Sebagaimana (Kami telah memberi peringatan), Kami telah menurunkan (azab) kepada orang-orang yang membahagi-bahagi (Kitab Allah), (yaitu) mereka yang telah menjadikan Al Quran itu terbahagi kepada beberapa bahagian (lalu mereka percaya kepada sebahagian dan menolak sebahagian yang lain)."</i>	22
3. Sentiasa mentadabbur dan menghayati al-Quran. Firman Allah SWT dalam surah al-Naml ayat 91- 92:	23
إِنَّمَا أُمِرْتُ أَنْ أَعْبُدَ رَبَّهُذِهِ الْبَلْدَةِ الَّذِي حَرَّمَهَا وَلَهُ كُلُّ شَيْءٍ وَأُمِرْتُ أَنْ أَكُونَ مِنَ الْمُسْلِمِينَ ۝ وَأَنْ أَتَلُوَ الْقُرْءَانَ ۝ فَمَنِ اهْتَدَى فَإِنَّمَا يَهْتَدِي لِنَفْسِهِ ۝ وَمَنْ ضَلَّ فَقُلْ إِنَّمَا أَنَا مِنَ الْمُنْذِرِينَ ۝	24



<p>"Aku hanya diperintahkan untuk menyembah Tuhan negeri ini (Mekah) Yang telah menjadikannya suci dan kepunyaan-Nyalah segala sesuatu, dan aku diperintahkan supaya aku termasuk orang-orang yang berserah diri. Dan supaya aku membacakan Al Quran (kepada manusia). Maka barangsiapa yang mendapat petunjuk maka sesungguhnya ia hanyalah mendapat petunjuk untuk (kebaikan) dirinya, dan barangsiapa yang sesat maka katakanlah: "Sesungguhnya aku (ini) tidak lain hanyalah salah seorang pemberi peringatan."</p>	25
<p><b>Hadirin Jumaat yang dikasihi Allah,</b></p> <p>Sebagai galakan kepada umat Islam agar cinta dan kasih kepada al-Quran, dinyatakan beberapa kelebihan al-Quran, antaranya;</p> <p>Daripada Abu Umamah al-Bahili Radhiallahu Anhu bahawa Nabi Muhammad SAW bersabda:</p> <p style="text-align: center;"><b>إِقْرُءُوا الْقُرْآنَ فَإِنَّهُ يَأْتِي يَوْمَ الْقِيَامَةِ شَفِيعًا لِّأَصْحَابِهِ</b></p> <p>"Bacalah al-Quran kerana sesungguhnya ia akan datang pada hari Kiamat sebagai syafaat kepada para pembacanya".</p> <p style="text-align: right;">(Riwayat Muslim).</p>	26
<p>Daripada Abdullah bin Mas'ud Radhiallahu Anhu bahawa Nabi Muhammad SAW bersabda:</p> <p style="text-align: center;"><b>مَنْ قَرَأَ حَرْفًا مِّنْ كِتَابِ اللَّهِ فَلَهُ بِهِ حَسَنَةٌ، وَالْحَسَنَةُ بَعْشُرَ أَمْثَالِهَا، لَا أَقُولُ الْمَ حَرْفٌ، وَلَكِنْ الْأَلِفُ حَرْفٌ وَلَا مُ حَرْفٌ وَمِيمٌ حَرْفٌ</b></p>	27
<p>"Sesiapa yang membaca satu huruf daripada al-Quran maka baginya satu kebaikan. Satu kebaikan menyamai 10 gandaan. Tidaklah aku katakan yang <sup>آلم</sup> itu satu huruf. Bahkan Alif satu huruf, Lam satu huruf dan Mim satu huruf."</p> <p style="text-align: right;">(Riwayat al-Tirmizi).</p>	28
<p><b>Hadirin Jumaat yang berbahagia,</b></p> <p>Kita dituntut untuk sentiasa mempelajari, mengkaji, menjadikan al-Quran sebagai panduan hidup disamping mengajarkannya bagi sesiapa yang mampu. Ini kerana, Nabi SAW menyifatkan golongan ini sebagai sebaik-baik manusia.</p>	29



<p>Sebagaimana dijelaskan dalam sebuah hadis daripada Usman bin Affan Radhiyallahu Anhu bahawa Nabi SAW bersabda:</p>	30
<p style="text-align: center;"><b>خَيْرُكُمْ مَنْ تَعْلَمَ الْقُرْآنَ وَعَلِمَهُ</b></p> <p>"Sebaik-baik kamu adalah orang yang mempelajari al-Quran dan mengajarkannya". <i>(Riwayat al-Bukhari).</i></p>	
<p>Khatib mengajak hadirin sekalian untuk menghargai mereka yang mengajar al-Quran. Dengan bimbingan dan tunjuk ajar mereka kita mampu membaca al-Quran pada hari ini. Oleh yang demikian, bersempena dengan Majlis Tilawah dan Menghafaz al-Quran peringkat Negeri Selangor yang akan diadakan pada 14 Januari 2020 di Dewan Syarahan dan Muzakarah Islam Shah Alam, marilah sama-sama kita menghadirkan diri supaya dapat mengimarahkan majlis tersebut disamping mendengar dan menghayati bacaan ayat-ayat suci al-Quran al-Karim.</p>	31
<p><b>Hadirin Jumaat yang dirahmati,</b></p>	
<p>Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah kita mengambil beberapa perkara penting yang boleh dihayati dan dijadikan amalan bersama:</p> <ol style="list-style-type: none"><li>1. Umat Islam hendaklah meyakini bahawa al-Quran adalah kitab suci yang mesti diimani kerana termasuk dalam rukun iman.</li><li>2. Umat Islam hendaklah meyakini bahawa al-Quran adalah kitab petunjuk yang lengkap dan sempurna meliputi persoalan tauhid, ibadat, jinayah, muamalah, munakahat dan sebagainya.</li><li>3. Umat Islam hendaklah menjadikan al-Quran sebagai amalan perlembagaan, penawar, penenang bagi hati dan rahmat dalam kehidupan.</li></ol>	32
<p style="text-align: center;"><b>أَعُوذُ بِاللّٰهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ</b></p> <p style="text-align: center;">وَنُنَزِّلُ مِنَ الْقُرْءَانِ مَا هُوَ شَفَاءٌ وَرَحْمَةٌ لِلْمُؤْمِنِينَ وَلَا يَرِيدُ الظَّالِمِينَ إِلَّا حَسَارًا ۝</p>	33
<p>"Dan Kami turunkan dengan beransur-ansur dari al-Quran ayat-ayat suci yang menjadi ubat penawar dan rahmat bagi orang-orang yang beriman kepadanya dan (sebaliknya) al-Quran tidak menambahkan orang-orang yang zalim (disebabkan keingkaran mereka) melainkan kerugian juga."</p> <p style="text-align: right;"><i>(al-Isra' : 82).</i></p>	34



<p>بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفْعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرُ الْحَكِيمُ وَتَقَبَّلَ مِنِيْ وَمِنْكُمْ تَلَاقُتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.</p>	35
<p>أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.</p>	36



## KHUTBAH KEDUA

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ。أَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ。</p>	1
<p>اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الْدِينِ.</p>	2
<p>أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّاهُ يُتَقَوَّى اللَّهُ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.</p>	3
<p>إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ رُبُّصَلُونَ عَلَى النَّبِيِّ يَتَأْمِيُّ الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُوا عَلَيْهِ وَسَلَّمُوا تَسْلِيمًا.</p>	4
<p>اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.</p>	5
<p>اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُحِينٌ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِي الْحَاجَاتِ.</p>	6
<p>اللَّهُمَّ أَعِزَّ إِلَاسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكِ الْكُفَّرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ وَدَمِرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ. وَانْصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ.</p>	7
<p>اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعَظِيمَى أَنْتَ حَفَظَ بِعَيْنِ عِنَائِتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ وَبِحَفْظِ وَقَائِتِكَ الصَّمَدَانِيَّةَ،</p>	8
<p>جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ سُلْطَانِ سَلَاغُورِ، سُلْطَانِ شَرْفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانِ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ الْحَاجِ.</p>	9
<p>اللَّهُمَّ أَدِمْ الْعَوْنَ وَالْهَدَى وَالْتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ سَلَاغُورِ، تَغْكُو أَمِيرِ شَاهِ إِبْنِ سُلْطَانِ شَرْفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ</p>	10



11	<p>فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرِيمَكَ يَا ذَالْجَلَلِ وَالْإِكْرَامِ。اللَّهُمَّ أَطِلْ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمُوَظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالبِلَادِ، وَبِلْغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَىٰ وَالرَّشَادِ。</p>
12	<p>Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha Berkuasa, kami bersyukur kehadrat-Mu yang telah mengurniakan rahmat dan keberkatan kepada negeri ini yang terus sejahtera dan maju, serta rakyatnya bersatu padu, dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai Ketua Agama Islam di negeri ini.</p>
13	<p>Justeru kami pohon kehadrat-Mu ya Allah, tetapkanlah iman dan pegangan kami kepada Ahli Sunnah Wal-Jamaah, peliharalah kami daripada ajaran yang terkeluar daripada Islam seperti Ahmadiah atau Qadyani dan ajaran-ajaran yang difatwakan sesat seperti Syiah dan Ajaran Kumpulan Al-Arqam.</p>
14	<p>Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim, satukanlah hati-hati kami, kurniakanlah kami rezeki yang luas lagi barakah, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat dan lindungilah kami daripada bala bencana.</p>
15	<p>Ya Allah, kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf dan menginfakkan harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor.</p>
16	<p>رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرْةً أَعْيُنٍ وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَاماً。رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ</p>
17	<p>عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ</p>
18	<p>فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعْمَهِ يَزِدُّكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.</p>